

FPP

June - November 2024

# BizNewz

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

*Permingaan Produk*

## TEBALOI

## work-life BALANCE

## The Power of PHYSIOTHERAPY

## wanita dan MOTOSIKAL

*sustainable*  
**SKINCARE**

## Mental Toughness in Athletic Performance

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date  
25 October 2024

## **MEMECAH STEREOTAIP: WANITA DAN MOTOSIKAL BERKUASA TINGGI**

Dunia permotoran sejak sekian lama sering dikaitkan dengan kekuatan maskulin, didominasi oleh suara lelaki, dan penuh dengan gambaran kuasa serta keberanian. Namun, dalam arus perubahan zaman moden, semakin ramai wanita mula mengorak langkah dalam arena motosikal berkuasa tinggi, sekaligus menonjolkan satu dimensi baru yang memukau. Kehadiran wanita sebagai penunggang motosikal kini semakin meluas, membawa bersama pelbagai persepsi, cabaran, dan revolusi yang mengubah wajah dunia permotoran yang selama ini dibayangi lelaki.

Secara tradisinya, wanita sering kali digambarkan sebagai pembonceng yang memerhati, menyokong, tetapi jarang sekali menjadi pemimpin di atas jalan raya. Namun, pada penghujung abad ke-20, satu perubahan besar berlaku apabila wanita mula menuntut ruang mereka sendiri dalam dunia yang kebiasaannya dikuasai oleh lelaki. Mereka mula memilih motosikal berkuasa tinggi, satu simbol keberanian yang dahulunya dianggap milik eksklusif kaum lelaki. Hari ini, wanita bukan sahaja menunggang motosikal, tetapi juga memecahkan stereotaip dengan memilih model yang berkuasa tinggi, membawa impak yang mendalam kepada dunia permotoran.

Walaupun kehadiran mereka semakin disedari, persepsi lama yang berakar umbi dalam masyarakat masih belum sepenuhnya hilang. Wanita penunggang motosikal sering berdepan dengan stereotaip yang mempersoalkan kebolehan, kekuatan, dan minat mereka. Masih ada pihak yang melihat wanita di atas motosikal berkuasa tinggi sebagai sesuatu yang pelik, atau lebih drastik lagi, melabel mereka sebagai pemberontak yang menentang norma jantina. Tetapi kenyataannya, penunggang wanita membuktikan bahawa jantina bukan pengukur kompetensi. Mereka mampu mempunyai hobi yang luar daripada kebiasaan dan boleh mengendalikan motosikal dengan cekap dan berani.



Apa yang lebih menarik adalah, semakin ramai penunggang wanita kini mencipta komuniti mereka sendiri. Hasil kajian oleh Mowri & Bailey (2024) menunjukkan bahawa program latihan dan kelab penunggang menyediakan wanita dengan persekitaran baru yang selamat di mana mereka boleh terlibat dalam sosialiti berasaskan jantina. Dengan menyertai kelab dan sesi latihan ini, wanita memperoleh kedua-dua kebolehan praktikal yang diperlukan untuk keselamatan menunggang dan sokongan emosi daripada komuniti yang berkongsi minat.

Selain itu, dari kelab-kelab motosikal yang mesra wanita hingga ke acara perlumbaan yang menampilkan peserta wanita, naratif tentang wanita dalam permotoran sedang berubah secara dinamik. Kisah-kisah ini bukan sekadar anekdot, ia adalah bukti bahawa wanita mampu mengatasi segala halangan dan mencipta sejarah dalam industri yang dahulunya tidak terbuka untuk mereka. Organisasi, acara, dan inisiatif yang dipelopori oleh wanita kini menjadi platform untuk inspirasi, menyemarakkan semangat penunggang wanita generasi seterusnya.

Persoalannya adalah, apa yang sebenarnya mendorong wanita untuk memilih motosikal berkuasa tinggi? Adakah ia semata-mata keinginan untuk kelajuan? Atau mungkin kerana cabaran yang dibawa oleh mesin berkuasa ini? Mungkinkah kerana jenis-jenis motosikal trendy di pasaran? Tidak dinafikan, bagi ramai wanita, menunggang motosikal bukan sekadar cara pengangkutan, malah ia adalah simbol kebebasan dan cara untuk mengekspresikan keperibadian mereka. Penunggang motosikal wanita selalunya bersifat sosial, kerap melakukan perjalanan dalam kumpulan, dan menikmati perjalanan sebaik sahaja mereka tiba di destinasi. Bagi mereka, pengalaman menunggang bersama, berkongsi kisah di sepanjang jalan, serta hubungan yang terjalin dalam komuniti penunggang adalah sama pentingnya dengan tempat yang dituju. Perjalanan tersebut sering menjadi satu bentuk pengembaraan yang memperkukuh persahabatan dan membuka ruang untuk meneroka pemandangan baru. Bagi komuniti penunggang motosikal, setiap kilometer yang dilalui adalah sebahagian daripada keseluruhan pengalaman yang mengujakan dan bermakna (Ramo et al., 2021).



Namun, di sebalik keseronokan dan kebebasan yang dirasai, masih wujud cabaran yang perlu dihadapi. Ramai wanita masih berdepan dengan diskriminasi gender, kurangnya perwakilan dalam media, serta kekurangan akses kepada peralatan yang disesuaikan untuk penunggang wanita. Isu keselamatan, kesukaran mencari peralatan yang sesuai dengan fizikal wanita, serta sikap sambil lewa dari penunggang lelaki masih menjadi rintangan besar. Tetapi, seperti mana wanita telah berjaya memecahkan stereotaip di banyak bidang lain, mereka juga tidak gentar untuk mengatasi cabaran dalam dunia permotoran ini.

Dengan semakin ramai wanita menyertai arena permotoran, industri kini mula mengambil serius peranan mereka. Pengeluar motosikal mula mengeluarkan rekaan yang lebih mesra wanita, manakala media juga mula mengubah persepsi mereka terhadap penunggang wanita yang bukan lagi sebagai pembonceng, malah sebagai penunggang yang mengawal sepenuhnya.

Perjalanan wanita dalam dunia motosikal berkuasa tinggi mungkin masih panjang, tetapi pencapaian mereka setakat ini amat mengagumkan. Mereka telah membuktikan bahawa tempat mereka di dunia permotoran bukan hanya sebagai pembonceng, tetapi sebagai penunggang yang berkuasa. Ketika stereotaip mulai runtuh, masa depan wanita dalam permotoran semakin cerah, dan siapa tahu, mungkin suatu hari nanti, mereka akan menjadi ikon utama dalam industri yang dahulunya dianggap milik lelaki semata-mata.

Wanita dan motosikal berkuasa tinggi kini merupakan satu gabungan yang tidak dapat dipisahkan. Semakin hari, mereka terus mencipta impak dan membuka jalan baru untuk generasi akan datang. Revolusi ini tidak hanya memecahkan batasan, tetapi juga membuktikan bahawa keberanian, keyakinan, dan kebolehan tidak mengenal jantina. Masa depan yang cerah kini terbentang luas di hadapan mereka, dan dunia permotoran tidak lagi sama seperti dulu, ia kini lebih berwarna, lebih inklusif, dan lebih menarik.

#### Rujukan

Mowri, S., & Bailey, A. (2024). Riding the change: Exploring women's navigation of risk and respectability through two-wheeler mobility in Dhaka. *Journal of Transport Geography*, 117(October 2023), 103888. <https://doi.org/10.1016/j.jtrangeo.2024.103888>

Ramoa, C. E. A., Pires, P. S., & Añaña, E. S. (2021). MOTORCYCLE TOURISM AND NATURE: an analysis of motorcyclists' motivations to travel. *Leisure Studies*, 40(3), 407–423. <https://doi.org/10.1080/02614367.2020.1858327>

Nur Dalila Adenan, Nazlin Emieza Ngah, Nasiha Abdullah, Nur Azwani Mohamad Azmin, Nurafida Abdul Talib

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu.

Emel koresponden: [nurdalilaadenan@uitm.edu.my](mailto:nurdalilaadenan@uitm.edu.my)





eISSN 2600-9811



9772600981003

BizNewz 2024

Faculty of Business and Management

Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun

Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA

Tel: +609-8400400

Fax: +609-8403777

Email: biznewzuitm@gmail.com